

NO SOALAN : 472

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan secara terperinci bilangan angkatan tentera yang kini terlibat secara langsung dan atau tidak langsung menyokong tentera Arab Saudi dalam konflik di Yemen.

JAWAPAN:

Trup Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditugaskan di Arab Saudi adalah di bawah misi siap sedia evakuasi baki rakyat Malaysia yang masih berada di Yaman. Ini adalah misi tunggal (*Sole Mission*) ATM dan tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pendirian serta tindakan Arab Saudi dalam konflik di Yaman. Bilangan trup ATM untuk misi siap sedia evakuasi ini adalah seramai 31 Pegawai dan 58 anggota Lain-lain Pangkat.

NO.:473

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)

NO. RUJUKAN : DR056

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) syarat-syarat penting perjanjian konsesi antara pihak Kerajaan dengan syarikat yang dilantik untuk mengukur indeks pencemaran udara; dan
- (b) jumlah kos untuk menukarkan kesemua alat pengukur pencemaran udara daripada PM10 kepada PM2.5.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Syarat-syarat penting perjanjian konsesi merangkumi perkara-perkara berkaitan urustadbir konsesi, hak-hak kedua-dua belah pihak, kewangan dan skop teknikal.

(b) Untuk makluman, peralatan PM10 tidak ditukar kepada PM2.5. Peralatan bagi mengukur paras PM2.5 ditambah ke dalam program pengawasan kualiti udara JAS. Secara umumnya, pada masa ini kos bagi satu unit peralatan mengukur PM2.5 adalah melebihi RM80,000.00 dan kos yang sebenar adalah tertakluk kepada spesifikasi teknikal sesuatu alat dan kadar penukaran mata wang semasa.

Sekian, terima kasih